# ARAHAN OPERASI iSPEKS BIL. 7 TAHUN 2022
# ALIRAN PROSES BAYARAN PULANGAN DEPOSIT WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP) KEPADA PIHAK KETIGA DI SKRIN ARAHAN BAYARAN MODUL PENGURUSAN KONTRAK (CoM) iSPEKS

## 1. PENGENALAN

Arahan Operasi ini dikeluarkan sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan proses bayaran pulangan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) kepada pihak ketiga di skrin Arahan Bayaran Modul Pengurusan Kontrak (CoM) dalam sistem iSPEKS.

## 2. PROSES PULANGAN WJP KEPADA PIHAK KETIGA

2.1 Bayaran WJP kepada pihak ketiga seperti Waris, Mahkamah dan Pembekal lain boleh dilaksanakan di skrin Arahan Bayaran di Modul CoM melalui jenis urusniaga Arahan Bayaran Pulangan WJP. Aliran proses penyediaan Arahan Pembayaran adalah sama seperti sedia ada di mana melibatkan peranan Penyedia PTJ, Penyemak PTJ dan juga Pelulus PTJ.

2.2 Aliran proses pulangan WJP kepada pihak ketiga adalah seperti berikut:

i) Log masuk sistem iSPEKS sebagai **PTJ Penyedia.** Modul Pengurusan Kontrak → Arahan Bayaran → Arahan Bayaran.



ii) Pilih Jenis Urusniaga: **Arahan Bayaran Pulangan WJP**




iii) Pilih Pendeposit yang terlibat dan sistem akan memaparkan maklumat pendeposit berkenaan. Isi medan wajib yang berwarna merah.




iv) Medan yang ditambah adalah Maklumat Pembayar. Sekiranya Pembayaran Pihak Ketiga = Ya, medan No. Surat Kelulusan akan bertukar kepada medan wajib. Kemudian klik icon tambah dan panel Maklumat Penerima akan dipaparkan. Isi medan wajib berwarna merah. Seterusnya klik icon disket .



v) Sistem akan memaparkan mesej info sekiranya maklumat pada panel penerima sama seperti penerima sedia ada.




vi) Setelah semua maklumat diisi dan disemak, klik Simpan → Senarai Semak → Sah Simpan seperti proses sedia ada. Seterusnya rekod perlu disemak dan diluluskan oleh PTJ.

2.3 Laporan yang terlibat adalah seperti berikut:

i) Modul Pengurusan Kontrak → Laporan → Laporan Akaun Deposit Kontrak → Buku Lejar Utama





TARIKH : 22/02/2022
MASA : 02:59:57 PM

KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BUKU LEJAR UTAMA AKAUN TERIMAAN / BAYARAN SEPERTI PADA 28/02/2022

MUKA SURAT : 1/7

AKAUN DEPOSIT : ALAT TULIS PEJABAT
KOD DEPOSIT : B0227102
JABATAN BAYAR : 004000 PEJABAT KEWANGAN & PERBENDAHARAAN
PTJ/PK BAYAR : 00400101 PEJABAT KEWANGAN & PERBENDAHARAAN (PEGAWAI KEWANGAN NEGERI)
NAMA PENDEPOSIT : AF CONSTRUCTION

| BIL. | TARIKH | NO. SUBSIDIARI | NO. RUJUKAN | NAMA PEMBEKAL / PELANGGAN | NO.KONTRAK | DEBIT(RM) | KREDIT(RM) | BAKI (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 10/11/2021 | 21DASD050100156 | 21DABB0400079 | JN KONTRAKBINA SDN BHD | COM/TestBBM/PD/3 | 3,000.00 | 3,000.00 | 0.00 |

ii) Modul Pengurusan Kontrak → Laporan → Laporan Akaun Deposit Kontrak → Buku Lejar Subsidiari



TARIKH : 22/02/2022
MASA : 03:13:25 PM

KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BUKU LEJAR KECIL (SUBSIDIARI) AKAUN TERIMAAN / BAYARAN
SEPERTI PADA 28/02/2021

MUKA SURAT : 3/5

AKAUN DEPOSIT : DEPOSIT WANG JAMINAN PERLAKSANAAN (95103,95104)
KOD DEPOSIT : L1111107
JABATAN BAYAR : 004000 PEJABAT KEWANGAN & PERBENDAHARAAN
PTJ/PK BAYAR : 00400101 PEJABAT KEWANGAN & PERBENDAHARAAN (PEGAWAI KEWANGAN NEGERI)
NO. KONTRAK : COM/TestBBM/PD/3
TARIKH AKHIR PEGANGAN :
NO. SUBSIDIARI : 20DASD050100012

NAMA PENDEPOSIT : AF CONSTRUCTION
NO. KP / NO. SYARIKAT : KT0201712-A
AMAUN DEPOSIT (RM) : 0.00

| TARIKH | PERIHAL | NAMA PEMBEKAL / PELANGGAN | NO.RUJUKAN | DEBIT(RM) | KREDIT(RM) | BAKI (DEBIT) / KREDIT (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 10/02/2021 | BAYARAN INTERIM DAN KUTIPAN WPK | AF CONSTRUCTION | 21DABB0400052 | 0.00 | 3,000.00 | 3,000.00 |
| 21/02/2021 | PULANGAN DEPOSIT | JN KONTRAKBINA SDN BHD | 21DABB0400079 | 3,000.00 | 0.00 | 0.00 |

2.4 PTJ perlu memastikan maklumat pihak ketiga telah didaftarkan di Modul SAM di bawah pelanggan (Lain-lain). Semakan juga perlu dibuat ke atas Laporan/Lejar yang terlibat bagi memastikan maklumat yang diisi adalah tepat sebelum membuat bayaran tersebut.

## 3. PENUTUP

Diharap panduan ini dapat membantu pihak Negeri dalam melaksanakan proses pulangan balik WJP kepada pihak ketiga melalui Modul Pengurusan Kontrak.